

**Jika bekas PM benar bakar Bible, selamatkanlah negara ini, kata James Masing**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 30, 2014**  
**Oleh DESMOND DAVIDSON**

Menteri Sarawak Tan Sri Dr James Masing yang dikenali sebagai seorang yang lantang, kini sudah tidak mempunyai rasa hormat lagi kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kerana mempertahankan tindakan Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali berhubung ancaman membakar Bible.

Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS) yang dulu pernah berkerja bersama bekas perdana menteri itu berkata: "Saya selalunya mempunyai rasa hormat tinggi kepada Tun Dr Mahathir, tetapi kini saya ragu-ragu mengenai kebebasannya.

"Dengan nama Islam, dan mempertahankan kerana Islam, semua boleh berlaku sekarang," kata Masing merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir. Dr Mahathir sebelum ini berkata tidak ada salahnya dengan membakar Bible sekiranya ia dengan tujuan baik.

Dr Mahathir yang juga penaung Perkasa berkata Islam juga turut membenarkan Al-Quran dibakar agar ia tidak diletak di merata tempat apabila tidak lagi digunakan.

"Jadi bakar Al-Quran dengan niat baik tidak ada masalah," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, bekas perdana menteri itu seolah-olah menyokong hanya ada satu agama di Malaysia, iaitu Islam dan membenarkan apa saja yang mereka mahu tanpa mengira sensitivi agama lain.

"Jika bekas perdana menteri di Malaysia menyokong pembakaran Bible, maka Tuhan selamatkan negara ini," katanya.

Tan Sri Bernard Dompok, bekas presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Dusun Murut Bersatu (Upko), yang juga merupakan sebahagian daripada BN, mempersoalkan alasan Dr Mahathir.

"Saya benar-benar terkejut Dr Mahathir boleh membuat kenyataan seperti itu," kata Dompok.

"Katanya, kitab suci boleh dibakar jika mereka sudah lama dan tidak lagi digunakan. Tetapi itu tidak terjadi di sini.

"Dengan tidak berimajinasi, bolehkan anda menyamakan pembakaran Bible yang dicadangkan oleh Ibrahim Ali, dengan pembakaran kitab-kitab lama. Tujuannya adalah berbeza sama sekali," katanya.

Ketua PKR Sarawak Baru Bian bahkan lebih keras memukul ketika berkata: "Dia nyanyuk atau sengaja menyemarakkan kebencian terhadap orang Kristian."

Baru, yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri berkata, jika Dr Mahathir sengaja menyemarakkan kebencian, maka beliau harus ditangkap dan dituduh kerana menghasut.

"Kami akan menunggu sama ada kali ini peguam negara mempunyai keberanian untuk melakukan perkara yang betul atau dia akan membuat alasan lagi," katanya.

Presiden Star Sabah Datuk Dr Jeffrey Kitingan berkata kenyataan Mahathir adalah "bodoh, provokatif dan tidak sensitif", yang datang daripada "orang lama yang bijak".

"Ini tidak membantu dalam menggalakkan keamanan dan keharmonian dan bukan konsep 1Malaysia BN. Hal ini juga menunjukkan Dr Mahathir yang sebenar, seorang ekstremis kaum dan fanatik agama," katanya.

Kitingan, seorang ahli Parlimen Sabah, berkata Dr Mahathir sebagai bekas perdana menteri, harus mempromosikan keamanan dan keharmonian dan menunjukkan contoh yang baik kepada generasi muda.

Pada Isnin lepas, Pejabat Peguam Negara dalam mempertahankan keputusan untuk tidak mengenakan dakwaan terhadap presiden Perkasa itu, berkata dalam satu kenyataan cadangan Ibrahim untuk untuk membakar harus dilihat dalam keseluruhan konteksnya.

Ia berkata, kenyataan Ibrahim adalah sebagai respons kepada pengagihan Bible yang dilaporkan untuk pelajar Islam SMK Jelutong di Pulau Pinang.

"Seperti yang diputuskan mahkamah, sebelum kenyataan dikatakan mempunyai kecenderungan menghasut, kenyataan itu harus dilihat dalam konteks ia dibuat.

"Ketika mengkaji di seluruh konteksnya, kenyataan Ibrahim tidak dikategorikan sebagai mempunyai kecenderungan menghasut.

"Ia adalah jelas Ibrahim tidak ada niat untuk mewujudkan ketegangan agama, tetapi hanya mempertahankan kesucian agama Islam," katanya.

Cadangan Ibrahim tahun lalu untuk membakar kitab Injil yang mengandungi perkataan Allah mencetuskan kemarahan di kalangan kumpulan Kristian dan ahli politik, para pengkritik menuduh Putrajaya pilih kasih dalam penggunaan Akta Hasutan. – 30 Oktober, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jika-bekas-pm-benar-bakar-bible-selamatkanlah-negara-ini-kata-james-masing#sthash.hY0byJbt.dpuf>